



Koperasi Tunas Muda
Sungai Ara Berhad

KELUARAN Januari 2008
Bil. 9

UNTUK ANGGOTA SAHAJA
www.tunasmuda.com.my

Buletin Tunas Muda

LAWATAN DI NEGERI SELANGOR

>> oleh: Muhammad Abidi Shafie

Pada 7 Disember 2007 yang lalu serombongan anggota Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad (KTMSAB) ke negeri Selangor. Seramai 30 orang anggota yang hadir dalam lawatan ini bersama-sama pihak pengurusan sebagai urusetia, Ahli Jawatan Kuasa Kecil dan Pegawai koperasi termasuk Pengurus, Setiausaha dan Bendahari.

Rombongan bertolak jam 11 malam dengan bas yang disewa khas oleh KTMSAB dan selamat tiba di tempat penginapan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) jam 5 pagi keesokan harinya. Lawatan yang pertama adalah ke Koperasi Kakitangan Maktab Kerjasama Malaysia (Koperasi MKM).

Penerangan telah diberikan oleh Bendahari Koperasi MKM itu sendiri iaitu Encik Hassan Haji Ahmad. Menurutnya lagi aktiviti Koperasi MKM banyak berlandaskan pembiagaan cafeteria dan baki dan kebanyakkan pelanggan mereka di sekitar Selangor serta kawasan MKM.

Anggota KTMSAB berpeluang melihat dan membeli belah hasil produk Koperasi MKM di kedai dan cafeteria. Seterusnya rombongan KTMSAB ke Koperasi NECMAL di Teluk Panglima Garang. Rombongan KTMSAB tiba jam 10.30 pagi dan disambut dengan mesra oleh tuan rumah. Taklimat diberikan oleh Encik Abu Bakar Buyong (Ahli Jawatan Kuasa Koperasi NECMAL) mengenai aktiviti koperasi tersebut. Ulasnya lagi Koperasi tersebut mempunyai 1750 anggota yang merupakan pekerja kilang NEC. Katanya lagi aktiviti utamanya adalah 'trading' iaitu menjalankan pembiagaan mini market dan menguruskan kafetaria.

Dalam ucapan balas, Pengurus KTMSAB, Rahim Osman berkata hasrat KTMSAB adalah untuk mengembangkan lagi sayap pembiagaannya selain dari bidang perumahan, kontraktor perumahan dan

juga pengurusan pembangunan harta tanah. Ulasnya lagi KTMSAB perlu meniru atau mencontohi koperasi-koperasi lain yang berjaya dalam bidang 'trading' dan memperbanyakkan lagi kegiatan sosial kepada anggota dan masyarakat setempat.

Anggota KTMSAB juga mengambil kesempatan melawat ruang perniagaan Koperasi NECMAL yang memamerkan barang runcit seperti barang elektrik, barang dapur dan lain-lain.

Lawatan berakhir pada jam 2.50 petang dengan makan tengahari serta layanan mesra daripada tuan rumah.

Seterusnya rombongan KTMSAB ke Koperasi MARDI (Komardi) di Serdang yang mengambil masa perjalanan lebih 3 jam. Rombongan KTMSAB tiba jam 5.30 petang dan disambut dengan mesra oleh tuan rumah. Taklimat diberikan oleh Encik Ghazali (Ahli Jawatan Kuasa Koperasi MARDI) mengenai aktiviti koperasi tersebut. Katanya lagi Komardi tersebut ditubuhkan pada 21 Oktober 1980 dan mempunyai 2461 anggota. Aktiviti utamanya adalah berlandaskan pertanian, penternakan dan pembangunan halal. Di antara pembiagaan yang sedang berjalan adalah kedai barang elektrik, pembiagaan pembekalan pengguna, agen insuran dan pelancungan, kilang memproses makanan dan minuman. Disamping itu Komardi juga terlibat dalam menyediakan perkhidmatan seperti khidmat perundingan pembiakan lembu Fidlot, pengajuran seminar, kursus dan latihan berteraskan pertanian dan penternakan.

Dalam ucapan balas, Pengurus KTMSAB, Rahim Osman berkata terima kasih di atas layanan yang diberikan. Katanya lagi hasrat KTMSAB untuk memperkuatkannya lagi bidang pembiagaannya dengan mencuba bidang lain dari bidang perumahan. Ulasnya lagi tujuan KTMSAB adalah untuk melihat contoh-contoh Koperasi di negeri Selangor seperti Komardi yang berjaya dalam bidang penternakan seperti lembu Fidlot dan pembiagaan 'trading'. Rombongan kemudian dibawa melihat kedai barang elektrik dan kilang membuat sirap cordial milik Komardi.

Kesemua lawatan tersebut berakhir pada



Mahu belajar....anggota Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad melihat hasil produk koperasi yang dilawati.

>> Muhammad Abidi Shafie

jam 6.45 petang. Disamping lawatan tersebut lahinya kerjasama di antara koperasi-koperasi berkenaan. Pada masa akan datang lawatan juga akan ke pantai timur yang akan dirancang dan dilaksanakan bagi pembangunan anggota dan KTMSAB dalam memperkuatkannya lagi sayapnya dalam bidang pembiagaannya.



Lembaga dan Pengurusan
Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad
mengucapkan Gong Xi Fa Cai
kepada semua anggota cina koperasi

Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad akan memberi saguhati duit raya "Gong Xi Fa Cai" sebanyak RM 200. Pembayaran akan dibayar melalui akaun bank anggota pada atau semasa 31 Januari 2008.

Pendidikan //

Program Latihan MKM Bagi Bulan Januari Hingga March 2008

>> oleh: Rozian Basah

KOD/NAMA KURSUS	SASARAN	OBJEKTIF KURSUS	TARIKH/TEMPOH KURSUS
IDB 724 Keusahawanan dalam Perniagaan Kek dan Bakeri	- Anggota Lembaga Koperasi - Pengurus Koperasi - Kakitangan Koperasi - Pegawai Agensi yang menyelia koperasi - Anggota koperasi & individu usahawan	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat: 1. mengenal pasti teknik memproses serta mengusahakan perniagaan kek dan bakeri menggunakan teknologi/kaedah pemprosesan secara komersial. 2. pendedahan mengenai kawalan mutu, kebersihan dan sanitasi pengeluaran kek dan bakeri. 3. memahami konsep pengurusan, perniagaan dan pemasaran kek dan bakeri secara komersial. 4. membentuk cadangan perniagaan kek dan bakeri secara komersial.	28/1 - 1/2/2008 (5 hari)
IDB 727 Keusahawanan Pengeluaran Makanan Secara Komersial Modul 1-Produk Mi dan Soya	- Anggota Lembaga Koperasi - Pengurus Koperasi - Kakitangan Koperasi - Pegawai Agensi yang menyelia koperasi - Anggota koperasi & Individu/usahawan	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat: 1. mengenal pasti teknik memproses serta mengusahakan perniagaan mi, taufu-fah dan minuman soya. 2. pendedahan mengenai kawalan mutu, kebersihan dan sanitasi. 3. memahami konsep pengurusan, perniagaan dan pemasaran dalam membentuk cadangan perniagaan mi, taufu-fah dan minuman soya secara komersial.	25/2 - 29/2/2008 (5 hari)
IDC 801 Bengkel Membina Jati diri Pemimpin	- Anggota Lembaga Koperasi - Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi - AJK Kecil Koperasi - Kakitangan Koperasi - Anggota Koperasi - Usahawan/Individu	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat: 1. mengenal pasti elemen-elemen jati diri pemimpin 2. membina kemahiran kepimpinan 3. memahami komunikasi kepimpinan	10/3 - 12/3/2008 (3 hari)
IDC 321 Perundangan Koperasi dan Aplikasi	- Anggota Lembaga Koperasi - Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi - Kakitangan Kanan Koperasi - Pegawai Agensi yang menyelia koperasi	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat: 1. mentafsir peruntukan undang-undang koperasi 2. mengenal pasti peruntukan undang-undang yang berkaitan dalam pengurusan koperasi	24/3 - 27/3/2008 (4 hari)
IDB 211 Kemahiran Pengucapan Awam	- Anggota Lembaga Koperasi - AJK Perhubungan Negeri/Daerah - Ahli Jawatankuasa Kecil Koperasi - Pengurus & Kakitangan Pengurusan Koperasi - Pegawai Agensi yang menyelia koperasi - Anggota Koperasi & Individu/usahawan	Pada akhir kursus ini, peserta akan dapat 1. meningkatkan kemahiran dan menyampaikan pengucapan awam dengan lebih berkesan.	24/3 - 27/3/2008 (4 hari)

Anggota yang berminat untuk mengikuti kursus yang dianjurkan oleh MKM, sila hubungi Encik Yusoff untuk keterangan lanjut di talian 04-643 8515

Sidang Pengarang

Ketua Pengarang	Puan Kamsiah Bt. Mohamad
Pengarang	Encik Mohd Hilmi B. Rashid
Grafik	Encik Mohd Hilmi B. Rashid
Pemberita	Cik Rozian Bt. Basah / Encik Muhammad Abidi B. Shaffie (THSB) / Encik Rosidi B. Zain (THSB) / Encik Amirul Fadzly B. Sahran / Encik Aziz B. Mamat (STESB)
Jurugambar	Encik Ahmad Jasmi B. Ghazali
Percitakan/Pengedaran	Puan Hajah Che Maimunch Bt Kassim



Rangkaian Perniagaan //

>> oleh: Aziz Mamat

PROMOSI TAHUN BARU

PEMBEKAL KEROPOK LEKOR/LOSONG

Pembekal keropok lekor/losong dengan harga lekor RM2.80 / sebatang, harga losong RM7.00 (sekilo)

Sila hubungi Encik Ghazali Bin Mat Hussain di talian 013-417 4118 / 019-5444 300 untuk tempahan.



MAI SECawan...



INGIN KEMBANGKAN PERNIAGAAN ANDA?

Anggota dan Keluarga yang ingin mengembangkan perniagaan yang sedang dijalankan boleh menghubungi pihak Koperasi. Koperasi akan mengadakan Program Interaksi Usahawan setiap 2 bulan.

Sesiapa yang berminat sila hubungi Puan Arizan binti Ahmad di talian 643 8515 (waktu pejabat) untuk keterangan lanjut

PEMBEKAL KOPI RADIX

Minuman kopi Radix dengan harga 32 pek/RM30.00 , 15 pek/RM15.00 dan RM20 pek papan/RM18.00

Sila hubungi Encik Anuar Bin Hussain di talian 04-644 5873 (H/P: 016-456 9904) untuk tempahan.

Saya Pun Baru Tahu

>> oleh: Amirul Fadzly Sahran

Sekiranya anda dirompak dan dipaksa untuk mengeluarkan wang akaun anda daripada mesin ATM, anda boleh meminta bantuan cara senyap dengan memasukkan no Pin anda adalah 123456, jadi anda harus memasukkan nombor 654321. Mesin ATM akan mengenalpasti nombor tersebut adalah nombor yang diterbalikkan daripada nombor yang sebenarnya melalui kad anda yang dimasukkan kedalam mesin tersebut. Mesin ATM akan tetap mengeluarkan wang tunai seperti biasa, tapi apa yg kita tidak diketahui, pihak Bank dengan segera akan menghantar pihak berkuasa (Polis) kepada anda. Perkara ini pernah disiarkan di TV baru-baru ini dan ianya menyatakan kaedah ini jarang diguna disebabkan ramai orang tidak mengetahui akan kewujudkan sistem yang seumpama ini.



/// Tips & Info

Menghilangkan Kencing Manis

>> oleh: Rozian Basah

Ramai dikalangan kita menghadapi masalah penyakit kencing manis tidak kira tua atau muda, lebih-lebih lagi dengan pemakanan kita pada hari ini yang semuanya manis-manis belaka. Petua ini dapat kita kongsi bersama-sama menghilangkan kencing manis. Caranya mudah sahaja, dapatkan ubi Kentang biasa rebus (tanpa garam atau bakar menggunakan (oven) apabila dah kira cukup masak hidangkan untuk dimakan (sebelum tidur atau makan sebelah malam atau pun sebelah pagi). Rahsianya tentang ubi Kentang ialah ianya bersifat menyerap segala yang manis dan masin berlebihan yang ada di dalam badan. Contohnya apabila masakan seperti kari terlalu masin, ubi Kentang dimasukkan ke dalam kari tadi dan hasilnya segala masin kari akan diserap oleh ubi Kentang tersebut. Jika petua ini diamalkan selama 2 atau 3 minggu anda akan dapat perbezaan sekiranya anda menghadapi kencing manis dan orang yang sihat pun boleh mencuba sebagai pencegahan awal.

Minyak Zaitun Boleh Mencegah Kanser, Serangan Jantung, Perut Buncit

>> oleh: Rozian Basah

Amalkan gaya hidup sihat, tambahkan 2 sudu makan minyak zaitun dalam masakan berminyak, bersantan, berlemak/kolesterol tinggi (kambing, lembu, kerbau, udang dan lain-lain). Semua lemak akan menjadi sisa tanpa diserap ke dalam badan, juga boleh

menghilangkan perut buncit, lemak-lemak, masalah berat badan.

Sesuatu yang mengeluarkan cahaya yang terang apabila dibakar tanpa mengeluarkan asap adalah menakjubkan dan itulah hikmat kelebihan minyak zaitun.



INGINKAN KEDIAMAN ANDA SESUATU YANG EKSKLUSIF DAN BERGAYA?

Ilham segar dari kami agar kediaman anda bergaya indah lagi berseri.

KABINET DAPUR : LAMPU : KEMASAN LANTAI : LANGSIR : GRILL BESI : LANDSKAP

Sila kunjungi ke syarikat kami. SRI TUNAS EDAR SDN. BHD. (Tel: 04-645 1570) dengan pelbagai bahan binaan mengikut kehendak dan bajet anda.

Kami turut membekal dan menyediakan khidmat rekaan perabot, seni reka landskap,kemasan lantai, pemasangan langsir, pengubahsuaian ruang kediaman pada harga yang berpatutan.



Sana-Sini //

>> oleh: Muhammad Abidi Shaffie



Majlis rumah terbuka... pada 27 Oktober 2007 seluruh masyarakat setempat Sungai Ara dan anggota hadir di majlis tersebut dan buat pertama kalinya majlis rumah terbuka hari raya diadakan di pejabat koperasi.

Usahawan muda... Pada 10 dan 11 Oktober 2007 telah diadakan Kursus Keusahawanan di pejabat koperasi, seramai 44 orang anggota koperasi terlibat dalam kursus tersebut yang bermula jam 8 pagi sehingga 5.30 petang.


Info Pembangunan //

>> oleh: Rosidi Zain

Projek Tunas Damai Fasa 1

Koperasi julung-julung kalinya membangunkan sebuah projek perumahan dan komersial yang lengkap dengan kemudahan landskap dan padang permainan. Kemudahan padang permainan disediakan di tiga zon utama iaitu zon rumah teres 2 tingkat, zon rumah pangsa kos rendah dan zon pangsguri kos sederhana.Kerja penanaman pokok dan pembinaan 'hard scape' seperti 'gazebo' telah disiapkan untuk Zon Rumah Teres 2 tingkat dan Zon Rumah Pangsa Kos Rendah.

Skim rumah teres 2 tingkat dijangkakan akan dihuni pada Januari 2008 apabila Sijil Kelayakan Menduduki diperolehi daripada Majlis Perbandaran Pulau Pinang.



Pembinaan Rumah Pangsa Kos Rendah - Relau/Pagar Buloh Fasa 1C

Pembinaan projek rumah pangsa kos rendah ini mengandungi 280 unit dengan keluasan 650 kaki persegi. Bangunan ini setinggi 12 tingkat ini dilengkapi dengan kemudahan lif, dewan serbaguna, pejabat pengurusan dan depo sampah. Jualan seunit rumah pangsa kos rendah ini dijangka berjumlah RM42,000.00 Senarai nama pembeli akan diperolehi daripada Pejabat Perumahan Negeri Pulau Pinang. Pembeli-pembeli yang berminat diminta PASTIKAN BERDAFTAR dengan Pejabat Perumahan Negeri Pulau Pinang dan mendaftar dengan Unit Jualan Koperasi. Borang pendaftaran rumah kos rendah daripada Pejabat Perumahan, boleh didapatdi Kaunter Perumahan, Tingkat 3, KOMTAR.

Projek Tunas Damai Fasa 1 - Halangan Di Tapak Telah Disolesaikan

Koperasi telah menyelesaikan pemindahan dan meroboh baki 4 buah rumah yang menghalang kerja-kerja pembinaan Jalan Masuk Utama ke Skim Projek Tunas Damai Fasa 1 sejak tahun 2005. Kerja pembinaan jalan telah disambung semula dan dijangka akan disiapkan pada Februari 2008.



Rumah teres 2 tingkat yang siap 100% dan dalam proses mendapat sijil kelayakan menduduki.

Pangsapuri Kos Sederhana - Relau/Pagar Buloh Fasa 1B

Pembangunan projek ini adalah untuk peruntukan Anggota Koperasi dan terbuka untuk jualan awam. Mengandungi 352 unit pangsguri kos sederhana dengan keluasan 750 kaki persegi. 176 unit diperuntukkan sebagai peruntukan percuma Anggota Koperasi dan baki 176 unit dibuka untuk jualan kepada Anggota, keluarga Anggota dan orang awam.

Kerjatanah projek telah bermula pada September 2007 dan dijangka siap pada Januari 2008. Manakala kerja 'soil improvement' dijangka akan bermula pada Januari 2008. Kerja pembinaan bangunan dijangka akan dimulakan pada Mac 2008.



Informasi Perumahan Kos Rendah

Syarat Kelayakan Membeli Rumah Kos Rendah

1. Warganegara Malaysia.
2. Bermastautin di negeri Pulau Pinang.
3. Berumur 21 tahun ke atas pada tarikh memohon.
4. Pendapatan keluarga tidak melebihi RM1,500.00 sebulan.
5. Pemohon (suami/isteri) belum memiliki rumah.

Maklumat lanjut dan borang diperolehi di **Kaunter Pejabat Perumahan, Tingkat 3, Bangunan KOMTAR, Pulau Pinang.**

Sebarang pertanyaan boleh dihubungi melalui telefon 04-2621957 ext 5373

Sana-Sini //

>> oleh: Muhammad Abidi Shaffie



Ceria... Cabutan undi untuk menentukan unit rumah pangsa kos rendah di kawasan Sungai Tiram diadakan pada 22 Oktober 2007 di pejabat koperasi. Sebanyak 156 unit ditawarkan dan kebanyakannya adalah untuk anak-anak anggota koperasi.



Syukur...majlis pemberian sumbangan kepada Majlis dan Surau di kawasan operasi koperasi sempena bulan Ramadhan 1428H dan majlis diteruskan dengan bacaan yasin, tahlil dan doa selamat. Majlis tersebut diadakan di Masjid Al-Huda Sungai Ara pada 20 Oktober 2007.



Zakat... Sumbangan derma dari Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad yang disampaikan oleh Tuan Pengurus sempena Hari Raya Aidilfitri pada 9 Oktober 2007. Majlis bermula pukul 3 petang di bilik seminar pejabat koperasi. Seramai 35 orang fakir miskin di kawasan tanah koperasi dan yang berdekatan telah menerima sumbangan tersebut.

Khidmat Anggota

>> oleh: Amirul Fadzly Sahran

Bagi meningkatkan perkhidmatan kepada anggota, kaunter anggota setempat kini ditempatkan di tingkat bawah pejabat Koperasi. Anggota ada masalah yang hendak diselesaikan dan perlu berjumpa dengan Pengerusi atau Setiausaha, hari bersama Pengerusi/Setiausaha ditetapkan seperti berikut:

Hari : Setiap hari Jumaat

Minggu : Pertama (1) dan Ketiga (3)

Jam : 9 pagi - 12 tengahari

Bantuan Kebajikan Am (Khairat Kematian) Tahun 2007 (RM2,500.00 Seorang)

>> oleh: Amirul Fadzly Sahran

AL-FATIHAH / TAKZIAH

BIL	NAMA	NO. ANGGOTA	UMUR	TARIKH MENINGGAL
1	TIAH BINTI JIN	0064	78	12.09.2007
2	OTHMAN BIN ISMAIL	2524	56	19.09.2007
3	MD. ARIFF BIN SHARIFF	0313	91	26.09.2007
4	AZIZ BIN AHMAD	2264	63	29.09.2007
5	ASMI BIN DIN	2630	53	14.11.2007
6	MARIAYE A/P THANDAVARAYAN	2667	78	13.12.2007
7	ISHAK BIN DIN	2256	61	15.12.2007

- 
- *Anggota yang belum memberi gambar untuk dimasukkan ke dalam sistem, diminta berbuat demikian dengan secepat mungkin.
 - * Anggota yang belum memberi nombor akaun bank untuk kemasukan dividen, diminta berbuat demikian dengan kadar segera.

TAMBAHAN MODAL SYER

>> oleh: Amirul Fadzly Sahran

Tambahan modal syer anggota yang jumlahnya belum mencapai RM10,000.00 telah dijemput membuat tambahan mulai 1 Ogos 2007 dan tarikh tutup pada 31 Disember 2007.

Walau bagaimanapun Pegawai Koperasi (Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari) telah bersetuju tempoh tambahan modal syer tersebut dilanjutkan lagi sehingga bulan April 2008.

Tuan/puan yang berkelayakan seperti di atas sahaja layak membuat permohonan melalui "borang" yang boleh diperolehi di Pejabat Koperasi pada waktu pejabat.

Bayaran tambahan boleh dibuat serta merta.



MAKLUMAT PENTING!!

Perlindungan Insuran Untuk Anggota Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad

>> oleh: Amirul Fadzly Sahran

Mulai 1 Januari 2008, anggota koperasi yang berumur 65 tahun kebawah layak untuk mendapat perlindungan insuran dibawah pelan takaful rawat berkelompok. Surat KTM 006/AA/2007 (26) bertarikh 24 Disember 2007 adalah berkaitan. Bayaran deposit kemasukan ke wad dikenakan adalah seperti berikut:

- | | |
|-----------------------------|----------|
| - Hospital Pantai Mutiara | RM200.00 |
| - Hospital Lam Wah Ee | RM300.00 |
| - Hospital Adventist | RM300.00 |
| - Hospital Gleneagles (GMC) | RM300.00 |
| - Hospital Loh Guan Iye | RM300.00 |

Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Norshidah/Cik Sazwani di talian 04-6438515

JAMBANGAN BUNGA

>> oleh: Amirul Fadzly Sahran

Koperasi akan menghantar jambangan bunga kepada anggota yang mendapat rawatan perubatan dan penghospitalan (kemasukan ke wad).

Penghantaran sekali sahaja dalam setahun.

Sebaik sahaja anggota dimasukkan ke wad, sila maklum kepada Puan Norsidah binti Jaafar / Cik Sazwani binti Sabdin, Unit Keanggotaan Koperasi di talian 04-6438515 untuk tindakan penghantaran.



Kaji Selidik

>> oleh: Aziz Mamat

Koperasi melalui JAWATANKUASA KECIL PEMBANGUNAN USAHAWAN amat berbesar hati sekiranya Y. Bhg Dato', Tuan, Puan dan keluarga yang sedang mengusahakan/kendalikan perniagaan asuhan/jagaan kanak-kanak dapat melengkapi kaji-selidik yang disertakan.

Untuk makluman, maklumat yang diperolehi akan dijadikan panduan untuk merangka program perniagaan yang berkaitan. Kaji selidik yang disempurnakan boleh diposkan ke alamat Koperasi Tunas Muda Sungai Ara Berhad. Sebarang pertanyaan sila hubungi Puan Arizan ditan 04-6438515

Atas kerjasama Y. Bhg Dato', Tuan, Puan diucapkan ribuan terima kasih.

KAWASAN	Kg. Baru Sg. Ara	<input type="checkbox"/>
	Seri Delima	<input type="checkbox"/>
	Kg. Perlis, Bayan Lepas	<input type="checkbox"/>
	Sungai Tiram	<input type="checkbox"/>
	Pagar Buloh	<input type="checkbox"/>
	Lain-lain	<input type="checkbox"/>

1 Nama	<input type="text"/>		
2 Perhubungan Dengan Anggota Koperasi	Anggota <input type="checkbox"/>	No Anggota: _____	
	Anak <input type="checkbox"/>		
	Keluarga <input type="checkbox"/>		
	Isteri <input type="checkbox"/>		
3 Alamat	<input type="text"/>		
4 No. Telefon	<input type="text"/>		
5 Tempat Operasi	Rumah sendiri <input type="checkbox"/>	Rumah kedai <input type="checkbox"/>	Lain-lain _____
6 Masa Operasi	Kurang dari 10 jam <input type="checkbox"/> 10 jam <input type="checkbox"/>	12 jam <input type="checkbox"/> 24 jam <input type="checkbox"/>	
7 Adakah mempunyai minat untuk membesar operasi?	Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>		
8 Jika Ya, nyatakan persediaan yang diperlukan	Kursus & Latihan <input type="checkbox"/> Tempat <input type="checkbox"/>	Modal <input type="checkbox"/>	
9 Adakah minat untuk berkongsi perniagaan	Ya <input type="checkbox"/> Tidak <input type="checkbox"/>		
10 Jumlah Kanak-kanak	Kurang dari setahun <input type="checkbox"/> orang 2 tahun <input type="checkbox"/> orang 4 tahun <input type="checkbox"/> orang 6 tahun <input type="checkbox"/> orang Melebihi 7 tahun <input type="checkbox"/> orang	1 tahun <input type="checkbox"/> orang 3 tahun <input type="checkbox"/> orang 5 tahun <input type="checkbox"/> orang 7 tahun <input type="checkbox"/> orang	



Jika tidak sampai, kembalikan kepada:

KOPERASI TUNAS MUDA SUNGAI ARA BERHAD

No. 126, Jalan Dato' Ismail Hashim,
Taman Tunas Muda, Sungai Ara,
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang.
Tel: 04-6438515 Fax: 046437507